

# SW DIMENHYDRINATE TABLET

Dimenhydrinate (50mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SW Dimenhydrinate Tablet
2. Bagaimana SW Dimenhydrinate Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan SW Dimenhydrinate Tablet
4. Cara menggunakan SW Dimenhydrinate Tablet
5. Semasa menggunakan SW Dimenhydrinate Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SW Dimenhydrinate Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan SW Dimenhydrinate Tablet

SW Dimenhydrinate Tablet digunakan untuk mencegah dan merawat loya, muntah atau rasa pening dan mabuk perjalanan.

## Bagaimana SW Dimenhydrinate Tablet berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Dimenhydrinate. Dimenhydrinate tergolong dalam kumpulan antihistamin. Ia berfungsi dengan mengekalkan keseimbangan badan.

## Sebelum menggunakan SW Dimenhydrinate Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan SW Dimenhydrinate Tablet:-

- jika anda mempunyai alahan terhadap Dimenhydrinate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).
- sebagai ubat bius setempat disebabkan oleh risiko kematian tisu badan.
- pada bayi yang baharu lahir atau pramatang dan ibu yang menyusu.

### - Sebelum menggunakan SW Dimenhydrinate Tablet

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda:

- mempunyai asma, glaukoma (tekanan dalam mata meningkat), atau pembesaran kelenjar prostat.

## Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi.

Ia tidak digalakkan untuk wanita hamil dan ibu menyusukan kecuali manfaat yang dijangka melebihi potensi risiko.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubatan yang boleh berinteraksi dengan SW Dimenhydrinate Tablet. Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil :-

- Central Nervous System (CNS) depressants, tricyclic depressants, dan Monoamine oxidase inhibitor (MAOIs) untuk rawatan kemurungan.
- Antibiotik, untuk merawat jangkitan bakteria.
- Atropine, untuk merawat masalah jantung.

## Cara menggunakan SW Dimenhydrinate Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral.

Dewasa: 1 - 2 tablet, setiap 6 hingga 8 jam.

Kanak-kanak (6 hingga 12 tahun): Setengah hingga - 1 tablet, setiap 6 hingga 8 jam tidak melebihi 3 tablet dalam masa 24 jam.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan SW Dimenhydrinate Tablet setiap 6 hingga 8 jam dan mengikut preskripsi doktor. Untuk mencegah mabuk perjalanan, dos pertama perlu diambil setengah hingga 1 jam sebelum permulaan aktiviti.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil SW Dimenhydrinate Tablet dalam tempoh yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan dos yang berlebihan boleh meningkatkan tanda-tanda dan simptom seperti khayalan, gangguan mental, gangguan pergerakan, muntah, pening, sawan dan kekurangan oksigen dalam darah yang boleh menyebabkan koma, kulit menjadi warna kebiruan dan kematian akibat daripada masalah pernafasan.

## Semasa menggunakan SW Dimenhydrinate Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil SW Dimenhydrinate Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

### - Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan SW Dimenhydrinate Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian  
Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, SW Dimenhydrinate Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Mengantuk adalah kesan sampingan yang paling kerap berlaku, terutama dengan dos yang tinggi.

Kesan-kesan sampingan yang lain termasuk gangguan koordinasi, keletihan, kegelisahan, kekeliruan, gemuruh, penglihatan kabur, bunyi deringan dalam telinga, getetar, cepat marah, gangguan epigastrik, kulit menjadi sensitif terhadap cahaya, kekeringan mulut, hidung dan tekak, peluh berlebihan, ruam dan tekanan darah rendah. Kekurangan sel darah merah dan putih, sakit kepala, sukar kencing dan rembesan mukus pekat juga dilaporkan.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan SW**  
**Dimenhydrinate Tablet**

- Penyimpanan  
Simpan pada atau di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna kuning, berbentuk bulat, cembung dengan skor tunggal pada satu sisi sahaja.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
  - Dimenhydrinate
- Bahan- bahan tidak aktif
  - Lactose
  - Corn Starch
  - Quinoline Yellow
  - Magnesium Stearate
  - PVP K90
  - Isopropyl Alcohol

- Nombor MAL

MAL19871808AZ  
MAL20051303ASZ

**Pengilang**

(MAL19871808AZ)  
Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah, 81200  
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

(MAL20051303ASZ)  
Sunward Pharmaceutical Pte.Ltd  
No.11,Wan Lee Road  
627943, Singapore.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah, 81200  
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

31/01/2023

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)060123/00003